

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Disiplin memainkan peranan yang penting ke arah pembentukan sahsiah para pelajar. Ia adalah salah satu komponen penting dalam sistem persekolahan yang berkait rapat berkenaan tatatertib, tatasusila, keadaan, akhlak dan kesopanan. Perkataan disiplin merupakan satu perkara yang begitu sinonim dalam kehidupan kita seharian. Perkataan disiplin ini membawa pengertian yang begitu luas sama ada pengertian yang negatif ataupun pengertian yang positif. Walau bagaimanapun, pengertian negatifnya yang sering menjadi tumpuan dan menjadi satu isu yang amat popular jika ia melibatkan individu atau kumpulan yang rapat dengan masyarakat.

Di sekolah, disiplin menjadi satu kawalan sosial bagi mewujudkan suasana tenteram supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan lancar. Bagi masyarakat di luar sekolah, disiplin adalah asas penting bagi membentuk kerukunan hidup selaras dengan norma, nilai dan aspirasi negara. Guru adalah golongan yang perlu memberi pemupukan disiplin pelajar-pelajar berada di sekolah. Manakala ibu bapa dan masyarakat perlu memupuk disiplin semasa pelajar-pelajar berada di luar sekolah.

Datuk Dr. Abdul Hamid Othman dalam akhbar tempatan (Berita Harian: 15hb. Februari 1994) menegaskan bahawa remaja yang melepak berasal daripada masyarakat yang mendiami perkampungan bari di sekitar bandar. Suasana dalam keluarga dan masyarakat tersebut tidak wujud sifat tegur menegur atau nasihat menasihati antara satu dengan yang lain kerana mereka mempunyai sikap hidup yang tidak mahu mencampuri hal-hal orang lain.

Disiplin dan kawalan pelajar di sekolah harian adalah bersesuaian dengan kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah pada sebilangan masa. Tumpuan utama para guru melihat disiplin adalah melambangkan kesungguhan dan kesediaan pihak sekolah dengan memberi penegasan yang lebih berkesan. Paling tidak, memberi suatu garis panduan mengenai masalah disiplin yang kerap berlaku di sekolah. Selain itu, bagaimana disiplin dapat dikawal oleh pihak sekolah pada setiap hari diberi bagi memelihara serta menerapkan nilai-nilai disiplin, supaya ia membantu meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran.

Pandangan awam selalu menganggap disiplin sekolah sebagai menguatkuasakan peraturan-peraturan dan hukuman-hukuman. Ini bermakna disiplin secara sempit dianggap sebagai kekuasaan pihak yang mempunyai autoriti. Di samping itu, apabila mendengar perkataan 'disiplin', terdapat mereka yang menyamakan disiplin sebagai 'masalah pelajar'. Sebenarnya disiplin merupakan suatu istilah yang merujuk kepada perkara-perkara yang wajar diikuti. Disiplin mendidik dan membolehkan seseorang melakukan sesuatu yang sempurna. Mereka yang berdisiplin dianggap baik. Oleh itu, anggapan yang menyatakan disiplin sekolah sama dengan tingkah laku negatif dan hukuman harus diperbetulkan. Disiplin sekolah harus dilihat sebagai suatu usaha ke arah pembaikan-pembaikan diri para pelajar.

Aziz (1997), juga membuat tinjauan dalam kajiannya di tiga buah sekolah di daerah Marang, Terengganu dan beliau merumuskan faktor yang paling kuat mempengaruhi pelajar-pelajar terlibat dalam salah laku adalah rakan sebaya, jika dibandingkan dengan faktor-faktor lain.

Masalah disiplin sekolah lebih sesuai dirujuk sebagai masalah salah laku pelajar atau tingkah laku devian. Salah laku atau devian merupakan bentuk tingkah laku yang menyimpang daripada norma-norma soaial masyarakat. Mereka yang devian adalah mereka yang melanggar peraturan. Para pelajar yang melanggar peraturan-peraturan sekolah digelar sebagai pelajar salah laku atau pelajar devian.

Masalah disiplin di sekolah hari ini sering menjadi tajuk hangat yang dibincangkan oleh pelbagai pihak. Media massa sama ada cetak atau elektronik sentiasa memberi liputan yang meluas terhadap isu ini. Setiap hari kita akan disajikan dengan berita-berita kemerosotan di kalangan pelajar.

Menurut Harre dan Lamp (1983), remaja mula melakukan penyesuaian diri yang lebih kompleks dengan keluarga, teman sebaya dan guru, melalui aktiviti seharian dan kehidupan sosial sesuai dengan perasaannya.

Disiplin berkaitan dengan tatatertib, tatasusila, kesopanan dan akhlak. Disiplin membawa erti bukan sahaja mempunyai dan menghayati perlakuan yang diharapkan masyarakat, tetapi sanggup juga taat dan setia kepada sekolah, negeri dan Negara. Suasana bilik darjah yang kondusif merupakan bilik darjah yang tiada masalah disiplin. Murid-murid yang berdisiplin akan menjamin keselesaan, kekemasan serta suasana rasa hati yang menggalakkan bagi proses pengajaran dan pembelajaran. (Ee Ah Meng, 1987).

Menurut Tajul Ariffin (1990), masalah kemerosotan akhlak dan disiplin pelajar sering ditimbulkan. Masalah ini sekaligus membawa gambaran negatif kepada sistem pelajaran kita. Punca utama masalah ini ialah penekanan konsep pelajaran yang keterlaluan kepada isi pelajaran, lulus periksa, pengkhususan yang terhad dan menumpukan kepada perkembangan intelek dan kemahiran semata-mata. Persoalan pembinaan sikap, akhlak dan disiplin diabaikan.

Apa yang sangat membimbangkan kita masa kini ialah berhubung keruntuhan akhlak pelajar sekolah menengah yang terlibat dalam pelbagai salah laku seperti ponteng kelas, mengganggu semasa pengajaran, penyalahgunaan dadah, berkhawat, peras ugut, bergaduh, melawan guru dan sebagainya. Perbuatan salah laku ini adakalanya menjadi begitu bertentangan dengan apa yang sepatutnya diamalkan dan dipelajari oleh seorang pelajar. Kini kita dikejutkan dengan satu hakikat yang amat sukar untuk kita huraikan bahawa semakin berkembangnya ilmu pengetahuan, semakin meluas pula keruntuhan akhlak di kalangan pelajar.

Masalah ponteng sekolah adalah salah satu masalah disiplin yang sering kali dilakukan oleh pelajar sekolah setiap hari. Masalah ponteng sekolah semakin hari semakin meningkat akibat daripada pengaruh luar. Masalah ponteng ini sebenarnya menyusahkan pihak pendidik, ibu bapa dan masyarakat. Dengan melakukan ponteng, pelajar boleh terjerumus dalam kumpulan jahat, merokok, menghisap dadah, berfoya-foya dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan pelajar-pelajar ketinggalan dalam pelajaran serta mewujudkan masalah sosial.

Peningkatan kes kemerosotan disiplin di kalangan pelajar boleh dijadikan sebagai ukuran di dalam menilai sejauh manakah keberkesanan sistem pelajaran yang dilaksanakan sekarang dalam usaha melahirkan insan yang kamil. Kurikulum yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan mencakupi segala bidang ilmu pengetahuan untuk menjadikan seseorang pelajar itu insan yang berakhlak mulia dan beramal soleh (Sufean Hussin, 1993).

Pengawasan terhadap masalah disiplin pelajar sentiasa diberi perhatian oleh semua pihak baik oleh Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri mahupun oleh pihak sekolah. Pengetua atau Guru Besar sentiasa mengambil tindakan yang perlu di dalam usaha membendung masalah disiplin pelajar (Laporan Salah Laku Pelajar, 1994/95). Peraturan dan hukuman yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan menjadi panduan semasa melaksanakan pengawasan disiplin (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979).

Mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979): “Rakyat yang berdisiplin adalah penting untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bertatasusila, bersatu padu, demokratik, adil, liberal dan progresif, seperti cogan kata yang berbunyi: Rakyat Berdisiplin, Negara Maju.” Disiplin merupakan suatu jenis latihan yang melahirkan individu supaya menjadi insan yang berakhlak mulia, berfikiran rasional, sanggup mematuhi undang-undang dan hak-hak individu lain, bertanggungjawab serta sanggup memberi sumbangan kepada masyarakat dan Negara. Ia juga menekankan bahawa disiplin bilik darjah yang baik akan membawa implikasi-implikasi pengajaran dan pembelajaran seperti berikut:

- i. Pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan secara lancar, sistematik serta dalam suasana kondusif dan berkesan.
- ii. Keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bawah kawalan bilik darjah secara berdisiplin akan dapat dipertingkatkan lagi.
- iii. Guru dapat melaksanakan rancangan pelajarannya mengikut masa yang ditetapkan tanpa sebarang gangguan.
- iv. Objektif pelajaran yang telah ditetapkan dapat dicapai dengan berkesan.
- v. Murid-murid merasa selamat dan gembira menyertai aktiviti pembelajaran, di samping mengikut pelajaran dalam keadaan berdisiplin.
- vi. Keterangan, arahan dan bimbingan guru dapat diikuti dan dipatuhi oleh semua murid dengan tepat dan tanpa sebarang keraguan.
- vii. Kemalangan di bilik darjah ataupun di bengkel dan makmal dapat dielakkan.

- viii. Nilai-nilai moral dapat dipupuk dengan berkesan dalam bilik darjah yang berdisiplin.
- ix. Murid-murid dapat memperoleh kemahiran dan ilmu pengetahuan dengan sempurna dan mencukupi.

Sehubungan dengan itu, semua pihak terutama para ibu bapa dan guru harus mengembeleng tenaga untuk memastikan masalah disiplin dapat dibendung supaya ia tidak terus menular.

1.1 Latar Belakang Masalah

Isu-isu berkaitan dengan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah sering diperkatakan masa kini dan menjadi fokus pihak media massa. Masalah disiplin yang melibatkan para pelajar sekolah menengah begitu ketara dan ini amat meresahkan para ibu bapa serta masyarakat umum seluruhnya.

Keadaan ini semakin nampak jelas dengan adanya jelas dengan adanya berita-berita yang terpampang di dalam akhbar tempatan. Laporan kejadian membakar bilik percetakan di Blok ASM Kulai Besar (Berita Minggu, 4hb. Jun 1999). Dalam kejadian ini dua orang pelajar terlibat.

Yang Berhormat Puan Halimah Mohamed Sadique, Pengerusi Jawatan Kuasa Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor menyatakan bahawa tindakan membakar bilik darjah dan merosakkan harta benda sekolah seolah-olah menunjukkan remaja sekarang tiada lagi tatasusila serta menampakkan unsur keganasan. (Berita Harian, 6hb. Jun 1999).

Kementerian Pendidikan dalam laporannya berkenaan gengsetisme di kalangan pelajar, mengumumkan sebanyak 459 buah sekolah menengah adalah

berisiko, dan terdedah kepada aktiviti gengsterisme. Kenyataan ini dibuat pada Mac 2000. Manakala akhbar Star melaporkan 28 kes kesalahan didiplin daripada bulan Januari sehingga Julai 2000. (Sunday Star, 9hb.Julai 2000).

Satu kes buli yang dilaporkan berlaku pada bulan Oktober 2002 di sebuah sekolah di Johor, iaitu Sekolah Menengah Penawar di Kota Tinggi. Satu kumpulan pelajar lelaki memukul seorang pelajar berumur 13 tahun, Muhammad Nor Hanafi Mohd.Noh di asrama sekolah itu kerana didapati terlalu rapat dengan gurunya. Dia didapati tidak sedar diri dan dibawa ke hospital lalu menjalani pembedahan selama enam jam kerana patah tulang dadanya. Berikutan dengan kejadian itu tiga belas orang pelajar dibuang sekolah dan lapan belas orang digantung persekolahan selama dua minggu.

Satu lagi buli berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan Jerantut, Pahang. Dalam kejadian ini, tujuh orang pelajar lelaki sekolah itu membelasah seorang pelajar tingkatan dua. Kejadian itu berlaku di asrama sekolah pada pukul 1.30 pagi, 21hb. Jun 2003 dan ia melibatkan empat orang pelajar tingkatan lima dan tiga orang pelajar tingkatan empat. Kejadian ini berpunca daripada rasa marah para pelajar tersebut ke atas mangsa yang didapati rapat dan berkawan rapat dengan pelajar tertentu di sekolah itu. Mangsa mengalami lebam-lebam di badan dan kepala selepas ditumbuk, dipijak dan dicekik oleh para pelajar tersebut.

Dalam (Berita Harian, 4 November 1998), melaporkan bahawa purata lima peratus daripada 2,500 pelajar Sekolah Menengah Ibrahim Fikri, seberang Takir ponteng sekolah. Ini bermakna 250 pelajar sekolah ini didapati melakukan kesalahan setiap hari.

Hakikat sekarang masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah semakin serius dan kita tidak perlu menuding jari kepada mana-mana pihak. Semua pihak harus memberi perhatian yang serius kerana ia melibatkan asset Negara yang tidak ternilai. Jika masalah ini tidak dibendung dari peringkat awal lagi maka Negara kita yang akan menanggung hakikatnya.

1.2 Pernyataan Masalah

Kemerosotan disiplin yang berlaku di kalangan pelajar baik sekolah rendah, menengah agak membimbangkan dan akan menjadi kritikal sekiranya tidak dibendung pada peringkat awal lagi. Oleh itu semua pihak, termasuk rakan sebaya, ibu bapa, guru dan masyarakat perlu prihatin terhadap isu ini.

Kemerosotan disiplin ini berlaku kerana sikap individu tersebut. Masalah kurangnya keimanan dan daya ketahanan diri di kalangan pelajar mempercepatkan lagi pengaruh yang tidak baik masuk ke dalam diri pelajar. Pelajar seperti ini bertindak mengikut perasaan tanpa mengira batasan.

Rakan sebaya juga mempunyai pengaruh yang ketara. Rakan sebaya di sekolah dapat mempengaruhi disiplin seseorang pelajar. Sekiranya nilai-nilai rakan sebaya tidak mementingkan ketekunan, tanggungjawab, kerjasama, menepati masa, menghormati guru dan mematuhi peraturan, begitulah sikap murid berkenaan. Sebaliknya sifat-sifat sosial positif rakan sebaya juga menghasilkan seseorang individu yang amat menekankan nilai moral dalam satu-satu masyarakat seperti sifat kepimpinan, bertimbang rasa dan bekerjasama.

Pesekitaran diperkatakan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi personaliti seorang individu ke arah pencapaian yang baik dalam pelajaran, selain daripada faktor baka. Antara faktor persekitaran itu termasuklah faktor peranan masyarakat, motivasi dan peranan multimedia. Pada era siber ini, pelajar mudah dapat pengaruh yang tidak sihat melalui media seperti internet, televisyen, Video, VCD, dan lain-lain lagi. Ketidak terbatasan pendedahan ini mempengaruhi tingkah laku pelajar itu sehari-hari. Golongan pelajar adalah golongan yang mudah terdedah dan mereka menurut apa yang dilihat dan ditonton melalui media itu. Mereka cuba mempraktikkan seperti yang mereka lihat.

Oleh yang demikian, penyelidik ingin mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah dari empat buah daerah di negeri Johor.

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Am

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauhmana sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru, persekitaran dari persepsi guru disiplin mempengaruhi kemerosotan disiplin pelajar di sekolah menengah.

1.3.2 Objektif Khas

Ada beberapa faktor yang dikenalpasti menyebabkan masalah kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai beberapa objektif. Antara objektif yang hendak dicapai adalah:

1.3.2.1 Menenal pasti faktor yang paling dominan yang menyebabkan kemerosotan disiplin pelajar iaitu sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru dan persekitaran di kalangan pelajar sekolah menengah dari persepsi guru disiplin

- 1.3.2.2 Mengenal pasti persepsi guru disiplin terhadap kemahiran dalam mengurus disiplin
- 1.3.2.3 Mengenal pasti keperluan latihan untuk guru disiplin dalam menangani masalah disiplin pelajar
- 1.3.2.4 Mengenal pasti masalah-masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah dari persepsi guru disiplin
- 1.3.2.5 Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan disiplin pelajar iaitu sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru dan persekitaran mengikut jantina
- 1.3.2.6 Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap kemahiran dalam mengurus disiplin pelajar mengikut jantina
- 1.3.2.7 Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara keperluan latihan untuk guru disiplin pelajar mengikut jantina
- 1.3.2.8 Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap masalah-masalah disiplin mengikut jantina

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang masalah yang telah dibincangkan, kajian yang dijalankan ini sebenarnya bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan yang ingin dikaji semasa kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Apakah faktor yang paling dominan yang menyebabkan kemerosotan disiplin iaitu sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru dan persekitaran
- 1.4.2 Apakah persepsi guru disiplin terhadap kemahiran dalam mengurus disiplin
- 1.4.3 Apakah persepsi guru terhadap keperluan latihan untuk guru disiplin dalam menangani disiplin pelajar
- 1.4.4 Apakah masalah-masalah disiplin dari persepsi guru disiplin
- 1.4.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor kemerosotan disiplin pelajar iaitu sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, guru, suasana sekolah dan persekitaran mengikut jantina
- 1.4.6 Adakah terdapat perbezaan signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap kemahiran dalam mengurus disiplin pelajar mengikut jantina

- 1.4.7 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap keperluan latihan untuk guru disiplin dalam menangani disiplin pelajar mengikut jantina
- 1.4.8 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap masalah-masalah disiplin mengikut jantina

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis null dibentuk untuk mencapai objektif kajian adalah seperti berikut:

- Ho 1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor kemerosotan disiplin pelajar iaitu sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, guru, suasana sekolah dan persekitaran mengikut jantina
- Ho1.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor sikap pelajar terhadap kemerosotan disiplin mengikut jantina
- Ho 1.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor rakan sebaya terhadap kemerosotan disiplin mengikut jantina
- Ho 1.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor keluarga terhadap kemerosotan disiplin mengikut jantina

- Ho 1.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah terhadap kemerosotan disiplin mengikut jantina
- Ho 1.5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor guru terhadap kemerosotan disiplin mengikut jantina
- Ho 1.6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor persekitaran terhadap kemerosotan disiplin mengikut jantina
- Ho 2 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap kemahiran dalam mengurus disiplin pelajar mengikut jantina
- Ho 3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap keperluan latihan untuk guru disiplin dalam menangani disiplin pelajar mengikut jantina
- Ho 4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru disiplin terhadap masalah-masalah disiplin mengikut jantina

1.6 Rasional Kajian

Isu kemerosotan disiplin sekolah dan masalah yang berkaitan dengannya pada masa ini sudah banyak diperkatakan oleh para pentadbir pendidikan, pendidik, ibu bapa serta ahli masyarakat. Menurut Noraini (2002), pelajar-pelajar yang tidak memberikan sokongan dan kemudahan adalah pelajar yang tidak berminat meneruskan pelajaran. Remaja ini melakukan aktiviti lepak di kompleks membeli-belah di Kuala Lumpur.

Menurut kajian Kementerian Belia dan Sukan (1995) dengan kerjasama Samsudin A. Rahim dan Iran Herman menunjukkan bahawa remaja di luar bandar menghabiskan masa melepak secara purata sebanyak 22.4 jam seminggu atau 5.3 jam sehari.

Kes-kes yang melibatkan pelajar terlibat dalam perlakuan ponteng turut dilaporkan oleh pelbagai akhbar masa ini. Hal ini amatlah merungsingkan ibu bapa, masyarakat, pihak sekolah dan pihak Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian, kajian ini wajar dijalankan untuk membantu para ibu bapa dan masyarakat mengambil langkah-langkah tertentu dan menambahkan pengawasan terhadap anak-anak remaja mereka.

Pihak Kementerian Pelajaran selaku institusi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sistem pelajaran negara selanjutnya boleh menggunakan dapatan daripada kajian ini untuk merangka dan menambahbaik kurikulum sedia ada untuk kebaikan pelajar akan datang.

1.7 Kepentingan Kajian

Adalah amat penting untuk mengetahui faktor-faktor sebenar yang menyebabkan kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah. Adalah diharapkan dapatan kajian ini akan dapat membantu pihak sekolah mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah pelajar.

Hasil kajian boleh membantu menyediakan maklumat dan bukti kajian kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia tentang faktor-faktor kemerosotan disiplin yang wujud di sekolah-sekolah menengah.

Kajian ini juga membantu pihak Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran negeri merangka dan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menangani kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah seperti garis panduan serta mengkaji semula peraturan-peraturan yang membabitkan disiplin pelajar.

Dapatan kajian ini juga akan membantu para guru dapat mengenalpasti faktor-faktor kemerosotan disiplin di kalangan pelajar. Para guru juga dapat mengetahui perubahan tingkah laku pelajar yang negatif di sekolah yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Kajian ini juga diharapkan menyediakan sumber rujukan dan maklumat kepada guru-guru disiplin, pengkaji lain dan Kementerian Pelajaran untuk mengkaji secara lebih terperinci dan mendalam berkaitan dengan faktor-faktor kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah-sekolah menengah.

1.8 Skop Kajian

Skop ini adalah fokus kepada lapan faktor utama kemerosotan disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah berdasarkan sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru, persekitaran dan guru disiplin. Kajian ini juga memfokuskan persepsi guru disiplin yang mempunyai kemahiran dalam mengurus disiplin pelajar mengikut jantina, keperluan latihan untuk guru disiplin dan masalah-masalah disiplin. Kajian ini dijalankan di empat buah daerah yang dipilih oleh penyelidik iaitu Daerah Kota Tinggi, Daerah Pasir Gudang, Daerah Johor Bahru dan Daerah Kulai. Tujuan penyelidik memilih empat buah daerah ini adalah untuk memudahkannya mengedat soal selidik dan mengutip maklumat. Seterusnya, di daerah-daerah tersebut mempunyai bilangan sekolah menengah yang banyak merupakan sekolah biasa.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di empat buah daerah di negeri Johor iaitu Daerah Kota Tinggi, Daerah Pasir Gudang, Daerah Johor Bahru dan Daerah Kulai. Responden yang terpilih adalah 200 orang guru disiplin dari dua puluh buah sekolah menengah di negeri Johor. Kajian ini hanya menumpukan pada faktor sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, guru, suasana sekolah, persekitaran, persepsi guru disiplin terhadap kemahiran dalam mengurus disiplin pelajar dan keperluan latihan dalam mengurus disiplin pelajar serta masalah-masalah disiplin yang terdapat di sekolah menengah..

Dalam kajian ini, penyelidik lebih berminat untuk mengkaji persepsi guru-guru disiplin terhadap disiplin pelajar sekolah menengah biasa. Sekolah menengah harian mempunyai pelajar dari semua lapisan masyarakat. Masalah guru disiplin

dalam mengurus disiplin pelajar dapat diketahui dengan lebih jelas dan juga cabaran-cabaran guru disiplin terhadap disiplin pelajar.

Berhubung dengan faktor masa pula pengkaji hanya dapat menumpukan penyelidikan bermula pada 10 Julai hingga 20 Ogos 2007 untuk menyerah dan mengutip kembali soal selidik. Untuk mendapatkan bilangan responden yang lebih ramai, penyelidik telah mengedarkan soal selidik kepada guru disiplin yang pelbagai kaum.

1.10 Definisi istilah

Definisi-definisi istilah yang akan diterangkan dalam bahagian ini merupakan istilah-istilah yang bersesuaian dengan konteks kajian ini sahaja. Ianya bertujuan bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan pembaca.

1.10.1 Kemosrotan

Merujuk Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), kemosrotan ditakrifkan sebagai perihal merosot mutu; kemajuan; kemunduran; kejatuhan. Kemosrotan disiplin pelajar berkait rapat dengan cara didikan dan asuhan di rumah. Sikap ibu bapa berupa penekanan dapat mempengaruhi perkembangan kanak-kanak daripada segi sahsiah dan aspirasinya (Stodgil, 1970: 27). Sikap individu, rakan sebaya, dan persekitaran adalah beberapa faktor yang mendorong ke arah kemosrotan disiplin pelajar.

1.10.2 Disiplin

Mengikut Kamus Dewan, disiplin membawa erti “latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh kepada tata tertib”. Foucault (1977), menyatakan disiplin merupakan satu bentuk pengawasan dan membiasakan amalan yang dikehendaki. Pandangan beliau melihat sekolah sebagai sebuah ‘mesin pedagogi’ dan pelajar-pelajar didisiplinkan supaya mematuhi peraturan-peraturan. Berbagai-bagai cara disiplin dijalankan seperti dengan mengadakan jadual waktu, sistem pastoral, buku kedatangan, perhimpunan, pakaian seragam, peperiksaan, pengredan dan sebagainya.

Mok Soon Sang (1995) berpendapat; dalam konteks masyarakat, disiplin bermaksud peraturan yang dipersetujui oleh ahli-ahli bagi mewujudkan tingkah laku yang sesuai demi menjamin kesempurnaan kehidupan mereka dalam masyarakat itu. Manakala pada peringkat sekolah pula, disiplin adalah peraturan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman ataupun ganjaran.

1.10.3 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1996), mentakrifkan pelajar sebagai murid atau penuntut. Pelajar adalah golongan orang yang belajar atau menuntut di sekolah, maktab atau universiti. Pelajar pula membawa maksud, “sesiapa yang berada di bangku sekolah dan bertujuan untuk mendapatkan pelajaran secara formal sama ada di sekolah menengah ataupun sekolah rendah”.

1.10.4 Rakan sebaya

Rakan sebaya merujuk kepada kanak-kanak atau remaja yang sama umur atau paras kematangan. Rakan sebaya adalah rakan yang setia mendengar, membantu dan sedia bersama kita pada bila-bila masa sahaja tidak kira ketika kita gembira ataupun sedih. Ahli sosiologi mengistilahkan rakan sebaya sebagai kumpulan kanak-kanak ataupun kumpulan remaja yang mempunyai lingkungan umur yang sama (Hazil Abdul Hamid: 1990;89). Remaja memerlukan seorang ataupun dua rakan sebaya bagi menemani mereka sepanjang tempoh perkembangan zaman remaja. Dengan adanya rakan, seseorang itu bolehlah bertukar-tukar fikiran dan menyelesaikan masalah akademik atau kerja-kerja disuruh oleh guru.

1.10.5 Persekitaran

Menurut Kamus Dewan (1996), persekitaran bermaksud kawasan di sekeliling sesuatu tempat. Kamus Times (1987), mendefinisikan persekitaran adalah keadaan di sekeliling kita. Persekitaran yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sahsiah dan tingkah laku individu boleh menjadi negatif atau positif bergantung kepada kedudukan dan suasana persekitaran keluarga, masyarakat, media dan sebagainya.

Pengaruh persekitaran terdiri daripada dua komponen besar, tegasnya, persekitaran fizikal dan psikososial. Persekitaran fizikal seperti rumah dan bilik darjah yang kurang terang boleh membosankan pelajar. Cahaya yang tidak cukup terang akan menyebabkan pelajar cepat bosan dan berasa mengantuk. Tingkah laku

yang tidak sihat juga berpunca dari keperluan fisiologi seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan alam sekitar yang selesa.

Seterusnya, keperluan psikologi seperti keselamatan, rasa dimiliki, kasih sayang, penerimaan, dan penghargaan juga mempengaruhi tingkah laku pelajar. Dalam kajian ini persekitaran merujuk kepada kedudukan sekolah, suasana sekolah dan suasana bilik darjah dan memberi kesan kepada masalah disiplin pelajar.

1.10.6 Keluarga

Merujuk kepada Kamus Dewan (1994), keluarga bermaksud seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri sahaja atau berserta anak-anak.

Keluarga menurut takrif antropologi adalah satu unit atau kumpulan yang terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Freud pula merujuk keluarga sebagai kombinasi ibu dan bapa yang tinggal serumah dengan satu ataupun lebih anak (Fontana, 1981: 29).

Keluarga juga merupakan institusi yang paling hampir dengan seseorang, khususnya kanak-kanak. Melalui keluarga, kanak-kanak dapat menggunakannya dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Wan Azmi (1972), keluarga dipandang sebagai satu institusi yang mempunyai tugas yang berbeza lagi berkesan. Keluarga selalunya akan memberi khidmat sebagai satu masyarakat kecil serba lengkap terhadap jiwa yang lahir dan berkembang dalamnya.

Mahmood (1997), mentakrif keluarga sebagai satu unit sosial yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak. Perkara yang paling penting ialah wujudnya satu pertalian atau hubungan hidup tertentu dalam kelompok sosial berkenaan.

1.10.7 Suasana sekolah

Suasana merujuk kepada perasaan seseorang individu memasuki sesuatu tempat. Sesuatu persekitaran mungkin memberi perasaan sunyi, aman, menarik, buruk, menggerunkan. suasana sesuatu tempat dihasilkan melalui ketertiban, keamatan cahaya, bunyi, teksur, warna, suhu dan bau.

Suasana sekolah dapat dirujuk dari sudut ekologi atau secara mudahnya ia merujuk kepada faktor-faktor fizikal seperti bangunan dan tapak, keindahan taman, kemudahan alatan dan bahan. Jelasnya, bahawa persekitaran dan ekologi yang baik mempengaruhi suasana pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah (Omaridin, 1996). Dalam kajian ini, suasana merujuk kepada keadaan dalam sekolah dan keadaan dalam bilik darjah.

1.10.8 Guru

Menurut Kamus Dewan (1996), guru bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar, dan pengasuh. Guru bertanggungjawab sebagai kaunselor, pengadil, polis, hakim, pelakon, kerani, jururawat, pensyarah, penulis, setia-usaha, pekerja sosial dan lain-lain.

Guru-guru perlu cekap memberikan kebebasan kepada pelajar dalam menggunakan kebolehan mereka. Kecekapan guru juga merangkumi kebolehan

berkomunikasi dengan orang lain, membawa idea-idea baru, membuat keputusan, sentiasa membuat kajian dan berupaya mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif. Guru adalah model yang menjadi contoh kepada para pelajar. Guru bertanggungjawab membina hubungan dengan setiap pelajar dan memandang mereka sebagai individu yang unik.

1.10.9 Kemahiran

Merujuk Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian. Kemahiran dan pengetahuan sangat diperlukan bagi pembangunan kepemimpinan personal. Ringkasnya, kemahiran sama erti dengan aplikasi. Kebolehan mengaplikasi sesuatu konsep atau idea kepada sesetengah '*task*' merupakan satu kelebihan kepimpinan yang tidak dapat dipertikaikan. Kemahiran-kemahiran khusus termasuklah keberanian profesionalisme, ketegaran dan kesabaran serta kemahiran mendengar.

1.10.10 Peranan Guru Disiplin

Guru disiplin memainkan peranan yang penting dalam membentuk disiplin di sekolah. Guru disiplin mengawasi disiplin dan akhlak para pelajar di sekolah sepanjang masa hari persekolahan. Beliau juga merekodkan segala kesalahan, hukuman dan denda yang dijatuhkan kepada pelajar di sekolahnya.

Disiplin yang berkesan perlu dilaksanakan bersama-sama dengan pengajaran yang berkesan (Gootman M.E., 2001). Guru perlu kerap menekankan nilai-nilai

murni dalam pengajaran supaya anak-anak remaja dapat dididik dan dibimbing menjadi orang yang mempunyai keperibadian tinggi dan juga sifat-sifat mulia. Guru perlu mendampingi pelajar dan menghormati pendapat serta kemahuan mereka. Guru tidak sewajarnya menggunakan sindiran pada remaja dan memberikan hukuman yang akan mencacatkan perkembangan sosio emosi remaja.

Guru disiplin perlu proaktif turun padang mengesan pelajar yang bermasalah untuk diberi nasihat dan kaunseling dan bukannya sekadar menunggu di bilik kaunseling dan menanti kes yang dirujuk kepada mereka semata-mata.

1.10.11 Jantina

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), jantina bermaksud jenis kelamin iaitu lelaki atau perempuan. Jantina merupakan perkataan yang pertama orang ingin tahu selepas kelahiran seseorang bayi adalah berkenaan jantina. Kita bertanyakan jantina bayi yang baru dilahirkan dengan bertanyakan sama ada bayi itu lelaki atau perempuan. Sifat kekelakian dan sifat perempuan adalah dua dimensi personaliti yang dapat diasingkan dan berubah secara bebas. Ini disebabkan seseorang dapat memiliki trait kekelakian dan keperempuanan pada masa yang sama.

Menurut Steinberg Laurence (1999: 348), tingkah laku peranan jantina merujuk kepada sejauh mana individu bertindak sama ada kekelakian ataupun keperempuanan secara tradisi. Sementara identiti jantina pula merujuk kepada jantina individu sama ada mempercayai dia seorang lelaki ataupun perempuan secara psikologinya.

1.10.12 Kemahiran Mengurus Disiplin

Disiplin sekolah biasanya diasaskan kepada etika, nilai, akhlak dan standard tingkah laku yang mulia. Bagi mencorakkan disiplin sekolah yang berkesan, semua guru perlu menunjukkan komitmen dan diberi tanggungjawab bagi menguatkuasakan disiplin. Disiplin sekolah secara rasmi adalah tanggungjawab guru disiplin, guru besar dan guru penolong kanan.

Kemahiran mengurus disiplin di bilik darjah merupakan satu kemahiran yang penting. Guru hendaklah mengesan faktor-faktor yang menimbulkan masalah serta cara-cara mengatasinya. Dalam pengurusan masalah-masalah disiplin, guru perlu tahu bila ganjaran dan hukuman boleh digunakan serta implikasi-implikasinya. Matlamat jangka panjang memanglah untuk mewujudkan disiplin sendiri di kalangan pelajar. Apabila keadaan ini wujud, proses pengajaran dan pembelajaran akan dapat berjalan dalam suasana bilik darjah yang tenang serta menggalakkan.

Sebagai seorang guru, kita perlu bijak dalam menangani sesuatu masalah yang tercetus di dalam bilik darjah kita. Penilaian yang teliti berkaitang kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah penting, kerana nasihat atau teguran yang diberikan oleh guru tepat pada pelajar yang salah. Ketegasan dalam menangani sesuatu masalah menyebabkan pelajar mempunyai perasaan takut pada guru mereka dan tidak berani melakukan kesalahan disiplin di dalam bilik darjah semasa pengajarannya.

Seterusnya adalah melalui bimbingan dan kaunseling. Dalam proses bimbingan dan kaunseling, ia tidak menentukan sebarang arahan atau rancangan supaya seorang itu bertindak ataupun membuat keputusan. Bagi memberi kaunseling kepada seseorang pelajar seseorang guru itu hendaklah mempunyai kemahiran yang tertentu untuk berdepan dalam pelbagai masalah pelajarannya. Guru juga perlu juga

mempunyai kemahiran dalam memberi nasihat dan saranan, berkemahiran memberi keyakinan dan harapan, serta berkemahiran memberi kepimpinan. Seorang guru itu haruslah berkemahiran dalam menyelesaikan masalah bermula daripada mengenal pasti masalah, menganalisis, mencari alternatif dan merancang langkah-langkah tindakan. Kemahiran dalam membuat keputusan untuk mengubah keadaan melalui teladan, ganjaran atau cara-cara lain juga adalah penting.

1.10.13 Keperluan Latihan

Laird (1990), mendefinisikan latihan sebagai pengalaman, disiplin atau rejimen yang menyebabkan individu memperoleh tingkah laku baru bagi melaksanakan tugas. Latihan mengubah tingkah laku baru bagi prestasi yang lebih baik. Latihan dan pembangunan yang sering dikaitkan dengan sumber manusia merujuk pada aktiviti pembelajaran bagi mempersiapkan individu supaya berketerampilan bagi melaksanakan kerja masa kini dan masa hadapan. Jadi, boleh dikatakan bahawa bidang sumber manusia mempunyai banyak perkaitan dengan aktiviti pembelajaran.